

SOALAN NO: 172

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN LIM GUAN ENG

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan akan menaikkan gaji minimum kepada RM 1,200 setiap bulan termasuk bagi Sabah dan Sarawak dengan mengecualikan pekerja asing untuk tempoh 5-8 tahun daripada pelaksanaannya. Adakah Kerajaan akan menawarkan bantuan kewangan kepada majikan tempatan dan SME bagi menangani kenaikan kos ekoran pelaksanaan gaji minima. Jika tidak, kenapa.

PR-1343-T76700

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, berhubung hasrat Yang Berhormat untuk menaikkan gaji minimum kepada RM1,200 setiap bulan dan mengecualikan pekerja asing dari pelaksanaan gaji

minimum untuk tempoh 5 ke 8 tahun, Kementerian Sumber Manusia mengambil maklum pandangan tersebut.

2. Namun hasrat tersebut perlu mengambilkira sebab-sebab dan matlamat asal Kerajaan memperkenalkan Dasar Gaji Minimum di negara ini dan sebab-sebab tersebut adalah seperti berikut:

- i) Majlis Perundingan Gaji Negara baharu sahaja selesai dalam membuat kajian Perintah Gaji Minimum 2012 dan susulan dari kajian tersebut, Perintah Gaji Minimum 2016 telah diwartakan pada 29 April 2016 yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2016;
- ii) Proses kajian semula Perintah Gaji Minimum akan dibuat setiap 2 tahun sekali selaras dengan seksyen 25, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (Akta 732). Perlu diambil maklum bahawa proses kajian tersebut tidak semestinya akan memfokuskan terhadap perubahan kadar gaji minimum semata-mata tetapi ia akan mengkaji Perintah Gaji Minimum tersebut secara holistik dengan mengambilkira perubahan sosio-ekonomi semasa;
- iii) Berhubung isu pekerja asing, mereka turut diliputi dibawah dasar gaji minimum atas sebab-sebab berikut:
 - (a) Pertamanya, dasar gaji minimum hendaklah tidak mendiskriminasi seseorang pekerja atas alasan

kewarganegaraan, selaras dengan Konvensyen ILO No.100: *Equal Remuneration* yang mana telah diratifikasikan oleh Malaysia pada tahun 1997.

- (b) Keduanya, ia adalah bertentangan dengan seksyen 60L Akta Kerja 1955, seksyen 118B Ordinan Buruh Sabah atau seksyen 119B Ordinan Buruh Sarawak yang tidak membenarkan sebarang bentuk diskriminasi antara pekerja tempatan dan pekerja asing.
- (c) Ketiganya, bagi menjamin dan memelihara peluang pekerjaan rakyat tempatan agar tidak terjejas. Sekiranya dari segi dasar, pekerja asing dikecualikan dari gaji minimum akan timbul suatu keadaan di mana majikan akan cenderung untuk terus menggaji pekerja asing dan mengetepikan pekerja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam membantu industri mikro, Kerajaan telah menawarkan bantuan kewangan berbentuk pembiayaan melalui pelbagai sistem kredit mikro yang telah diperkenalkan sejak tahun 1986. Ia telah berkembang sebagai satu pendekatan efektif dan terbukti mampu membantu mengatasi masalah kemiskinan dan seterusnya mempertingkatkan taraf kehidupan masyarakat.

4. Secara umumnya, didapati tidak kurang daripada 9 jenis insentif yang dikenalpasti disediakan untuk industri mikro adalah seperti berikut:

i) **Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).** AIM telah ditubuhkan pada bulan September 1987 dengan objektif “membantu isi rumah miskin untuk keluar daripada kemiskinan melalui peruntukan ikhtiar untuk membiayai aktiviti penjana pendapatan”.

ii) **Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Nasional (TEKUN).** TEKUN Nasional yang sebelum ini dikenali sebagai Yayasan TEKUN telah ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada tahun 1998 dan kini di bawah Kementerian Pertanian dan Asas Tani, bagi menyediakan pembiayaan mikro kepada usahawan kecil bumiputera. TEKUN menyediakan akses yang mudah untuk pembiayaan mikro selain memberi bimbingan perniagaan dan perkhidmatan sokongan serta Jaringan Usahawan. Selain itu, TEKUN juga menyediakan pelan tabungan untuk menggalakkan usahawan melabur simpanan mereka ke dalam perniagaan.

5. Memandangkan pihak kerajaan menghadapi masalah dalam penyediaan dana dan mencapai jangkauan golongan yang memerlukan, institusi perbankan komersil turut terlibat dalam industri pembiayaan mikro kredit kerana mereka mempunyai sumber dan rangkaian cawangan dengan capaian yang lebih meluas lagi, seperti:

- i) **Bank Simpanan Nasional (BSN)** telah diberikan mandat untuk menyediakan pembiayaan mikro kepada perusahaan mikro dan individu yang berniaga.
- ii) **Bank Pertanian Malaysia (Agrobank)** berperanan menyediakan pembiayaan mikro kepada perusahaan mikro dalam sektor pertanian dan asas tani.
- iii) **Bank Kerjasama Rakyat Malaysia** pula menyediakan pembiayaan mikro kepada anggota koperasi dan kekal penting kerana membolehkan anggotanya mengumpul sumber untuk menyertai perniagaan.
- iv) **Koperasi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)** amat menggalakkan koperasi di Malaysia untuk menjalankan sistem Mikro Kredit bagi bantu anggota koperasi mereka meningkatkan taraf hidup mereka. SKM telah menyediakan garis panduan bagi pelaksanaan sistem ini. Anggota koperasi yang ingin mendapatkan pembiayaan adalah tertakluk kepada undang-undang kecil (UUK) koperasi dan aturan skim pembiayaan mikro koperasi masing-masing. Anggota juga hendaklah mempunyai perniagaan yang telah beroperasi sekurang-kurangnya dua tahun.
- v) **Koperasi Muslimin Berhad** merupakan salah satu koperasi yang telah memperkenalkan pembiayaan mikro

kepada anggota-anggotanya sejak dari tahun 2009 dengan nama 'Pembiayaan Usahawan'.

vi) **Penglibatan Institusi Kewangan Dalam Pembiayaan Mikro.** Akses kepada produk pembiayaan mikro yang ditawarkan oleh institusi kewangan lebih mudah, cepat dan senang tanpa memerlukan cagaran. Institusi kewangan ini juga menyediakan perkhidmatan pembiayaan mikro ini di setiap cawangan mereka Contohnya, Agrobank, Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional (BSN), Alliance Bank, AmBank, CIMB Bank, EONCAP Islamic Bank, Public Bank, United Overseas Bank dan Maybank.

vii) **Program Bantuan Kewangan Kerajaan melalui MIDF dengan kerjasama MITI** serta agensi-agensi di bawahnya, untuk PKS dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan (kecuali insurans dan perkhidmatan kewangan) bagi **automasi, mengurangkan pekerja dan transformasi kepada aktiviti yang bernilai lebih tinggi.** Program-program tersebut adalah seperti berikut:

- (a) *Soft Loan Scheme for Small & Medium Enterprises (SLSME)*
- (b) *Soft Loan Scheme for Services Sector Capacity Development (SLSCD)*
- (c) *Soft Loan Scheme for Automation & Modernisation (SLSAM)*

(d) *Soft Loan Scheme for Services Sector (SLSSS).*

Tuan Yang di-Pertua,

7. Kesimpulannya insentif yang digariskan ini adalah insentif berterusan dari Kerajaan dengan kerjasama institusi perbankan komersil bagi memastikan industri mikro terus berdaya saing dalam menghadapi cabaran ekonomi global dan domestik disamping mampu melaksanakan dasar-dasar yang telah diputuskan oleh Kerajaan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SIM CHEE KEONG
DARIPADA [BUKIT MERTAJAM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada permohonan untuk bangunan tambahan SRJKC Permatang Tinggi Bukit Mertajam yang tertunda lebih lapan tahun sudah diluluskan untuk Rancangan Malaysia ke-11(Rolling Plan ke-11) . Jika ya, bila pelaksanaan pembinaan, jika tidak, mengapa dan bila akan diluluskan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Permohonan bagi membina bangunan gantian 12 Bilik Darjah di SJKC Permatang Tinggi, Pulau Pinang telah dikemukakan dalam *Rolling Plan 2* tahun 2017-2018 dalam Rancangan Malaysia ke-11. Projek ini masih dalam pertimbangan agensi pusat dan tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa negara.